

# Kikis budaya 'mesti dipilih'

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta ahli parti itu meninggalkan budaya kecewa dan hampa jika tidak dipilih menjadi calon dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, ahli hendaklah mematuhi keputusan pucuk pimpinan parti dan tidak bertindak sendiri, sama ada menjadi calon bebas atau menyeberang kepada pihak lawan untuk menentang parti sendiri.

Menurutnya, hal seumpama itu tidak sepatutnya berlaku kerana Umno adalah parti yang berpengalaman luas serta terbabit begitu lama dalam perjuangan politik.

"Sebagai parti yang tua dan memegang tampuk kekuasaan negara sejak sebelum merdeka, ahli mesti menjadi anggota yang matang, rasional, bertanggungjawab serta bulat kesetiannya.

"Tidak semua orang boleh menjadi calon. Mereka yang tidak dipilih bukan tidak layak.

"Masalahnya, calon yang layak melebihi kawasan pilihan raya. Sia-

pa pun yang dipilih, akan ada yang kecewa.

"Kita mesti memelihara perpaduan. Ahli kita sudah meningkat lebih dua juta, menjadikannya antara parti politik yang paling besar di dunia," katanya dalam ucapan alu-aluan sempena Perhimpunan Agung Umno, Jumaat ini.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri menyifatkan Perhimpunan Agung Umno kali ini sangat penting kerana membincangkan persoalan yang berkaitan secara langsung dengan persiapan menjelang pilihan raya umum.

Beliau berkata, sejak proses pemulihannya, Umno mencatatkan prestasi cemerlang.

Harta Umno juga dipulangkan semula manakala proses penyesuaian Umno bahagian mengikut persempadanan semula berjalan kemas.

"Umumnya, perpaduan dalam parti tetap utuh walaupun mengalami pelbagai dugaan dalaman. Saya berpuas hati, kita sudah mencapai kemajuan dan perkembangan yang

membanggakan.

"Insya-Allah dalam pilihan raya umum kali ini, Umno akan mencatatkan prestasi yang cemerlang, tidak kurang berbanding pilihan raya umum lalu.

"Oleh itu, ahli bertanggungjawab menyempurnakan persiapan menghadapinya," katanya.

Mengenai suasana dalam negara, Perdana Menteri berkata, negara kini mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat, kestabilan politik dan kemajuan besar dalam pelbagai bidang.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yakin pemimpin serta ahli parti pembangkang tidak mempunyai bahan untuk digembar-gemburkan serta dijadikan isu dalam kempen pilihan raya umum akan datang.

"Mereka mengaku secara terus-terang, mereka menjadi sulit dan terhimpit berikutan pertumbuhan ekonomi yang pesat serta taraf hidup rakyat pelbagai kaum yang lebih baik.

"Harus diingat, pembangkang mencari dan menggunakan sebarang isu yang boleh menjejaskan

kewibawaan kerajaan. Kempen fitnah dengan menggunakan media asing tetap digunakan," katanya.

Mengulas perpaduan di antara kaum, Dr Mahathir berkata, keharmonian hidup ialah kunci kejayaan di bidang ekonomi.

"Jika persefahaman kaum dan politik wujud, insya-Allah Malaysia akan mencapai Wawasan 2020," katanya.

Beliau turut menasihatkan rakyat menjauhi sengketa dan konflik di samping tidak mengheret perbezaan politik sematamata untuk mengeruhkan negara.

Ini boleh menjejaskan pelaburan asing.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu rakyat mengambil iktibar daripada pengalaman negara lain yang terbabit dalam sengketa politik dan konflik etnik. Mereka tidak berpeluang membangunkan rakyat.

"Justeru itu, kewajipan rakyat ialah mengawal diri, berdisiplin dan menghayati rukun hidup yang boleh mengukuhkan perpaduan," katanya.